

KEKAYAAN UNSUR *ANTHROPOMORPHISME* DALAM LAGU DIKIR: ANALISIS BERASASKAN LINGUISTIK KOGNITIF

Hishamudin Isam, Ph.D

din@uum.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa
Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia

dan

Nor Diyana Saupi

diyana_saupi@salam.uitm.edu.my

Akademi Pengajian Bahasa
UiTM Shah Alam

Unsur *anthropomorphisme* atau penjelmaan sifat-sifat manusia kepada haiwan, benda tidak hidup, fenomena, objek atau konsep abstrak sering digunakan oleh penulis lirik dalam bait-bait lirik yang dihasilkannya. Lagu-lagu dikir juga tidak terkecuali mengetengahkan unsur ini dengan tujuan untuk menyindir secara halus tindak-tanduk manusia yang tidak lagi bersifat manusiawi. Untuk memahami penggunaan unsur *anthropomorphisme* dalam lagu dikir, kajian ini cuba untuk menyelidik ‘siapa sebenarnya’ watak *kucing* dan *itik* yang cuba disampaikan oleh penulis lirik dalam lagu dikir *Kucing* (oleh Pok Ya Mangkuk) dan *Itik* (oleh Cikgu Naim). Analisis dijalankan dengan mengenal pasti domain sumber dan domain sasaran (haiwan – manusia) yang menjadi tunjang dalam metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK dan berdasarkan metafora Rantainya Utama Makhluk (RUM). Berdasarkan bukti-bukti linguistik melalui penggunaan lexis dalam kedua-dua lagu dikir tersebut, kajian mendapati bahawa watak *kucing* dan *itik* disasarkan kepada manusia lelaki dan perempuan yang rosak akhlak. Penggunaan unsur *anthropomorphisme* dalam kedua-dua lirik lagu dikir tersebut membuktikan bahawa terdapatnya jalinan yang tersurat dan tersirat antara realiti penggunaan bahasa dengan realiti sosial masyarakat.

PENGENALAN

Dikir barat adalah antara contoh permainan teater tradisional yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Pantai Barat (Kelantan dan Patani). Sejarahnya yang panjang dikatakan bermula daripada beberapa tempat – Selatan Siam (Thailand), Pulau Kerengga (jajahan Narathiwat Selatan Siam), Pulau Tebu (Kota Bharu), dan Kampung Tapang (Kota Bharu). Perkataan dikir ialah hasil daripada dua gabungan seni, iaitu ‘dikir’ dan ‘pantun’ atau ‘dikir’ dan ‘karut’. ‘karut’ dalam pengertian permainan dikir dirujuk dari istilah ‘mengarut’ yang sering digunakan untuk membentuk pantun atau syair. Oleh itu, ‘dikir barat’, ‘dikir karut’, ‘dikir pantun’ dan ‘dikir syair’ adalah merujuk kepada pengertian yang sama, iaitu permainan dikir barat (Noraini Ariffin, 1981). Bagi

masyarakat Kelantan, istilah ‘dikir barat’ lebih sinonim dan diguna pakai dengan lebih meluas berbanding istilah lain.

Dikir barat dipersembahkan di dalam kumpulan yang terdiri daripada seorang tukang karut (orang paling penting dan merupakan ketua kepada sesebuah kumpulan dikir barat), Tok Juara dan awok-awok. Tukang karut dan Tok Juara akan ‘mengarut’ dalam bentuk berbalas pantun dan awok-awok pula berfungsi sebagai suara latar dan berlagu dengan suara yang lebih kuat dan lantang secara beramai-ramai. Persembahan dikir barat dijadikan sebagai sumber hiburan utama dalam kalangan masyarakat Kelantan dan turut dipertandingkan di pelbagai peringkat.

Lirik lagu dikir yang dihasilkan oleh tukang karut memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan kesedaran kepada masyarakat tentang masalah sosial yang sedang berlaku. Jika sesebuah lagu itu sedap didengar dan menjadi terkenal, maka lirik lagu tersebut akan menjadi ikutan kepada tukang karut yang lain dan menjadi lagu kesukaan kepada orang ramai (Noraini Ariffin, 1981: 10). Dalam melahirkan lirik lagu dikir yang mampu menarik perhatian, pemilihan kata (diksi) atau dalam istilah linguistik disebut sebagai leksis adalah amat penting. Selain unsur kejelasan, faktor-faktor lain perlu diambil kira dan sering menjadi panduan oleh seseorang tukang karut seperti pemilihan leksis yang *catchy*, mudah diingat, dan ‘kena’ dengan cerita yang hendak disampaikan. Dalam hal ini, pemerhatian awal kajian mendapati, antara leksis yang sering mendapat tempat dalam kalangan tukang karut untuk menyampaikan tema utama dalam lagu-lagu dikir ialah leksis yang berunsurkan *anthropomorphisme*.

UNSUR ANTHROPOMORPHISME DALAM LIRIK LAGU DIKIR

Unsur *anthropomorphisme* merujuk kepada unsur-unsur keserupaan atau persamaan antara ciri-ciri atau sifat-sifat hakikat manusia dengan sesuatu unsur yang bukan manusia seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan, fenomena alam (angin, ribut), konsep abstrak (kesejukan, kerinduan), dan juga objek (batu, boneka). Istilah dari bidang sosiologi dan antropologi yang dicipta dalam pertengahan tahun 1700 ini, adalah istilah gabungan dari perkataan Yunani *ánthrōpos* yang bermaksud manusia dan *morphē* yang bermaksud bentuk (Mithen, 1998).

Menurut Scholl dan Tremoulet (2000), unsur *anthropomorphisme* ialah suatu proses psikologi yang bermula dengan fahaman animisme yang melihat adanya tautan yang kuat antara manusia dan alam. Keadaan ini menyebabkan wujudnya perasaan adanya keserupaan atau persamaan antara ciri-ciri dan sifat-sifat yang ada pada manusia dengan unsur-unsur alam yang begitu luas. Antara yang paling mendapat perhatian ialah melihat adanya keserupaan atau persamaan antara ciri-ciri dan sifat-sifat manusia yang ada pada haiwan. Fenomena ini telah berkembang luas sehingga menjadi suatu aspek yang dianggap menarik untuk diamati, dalam pelbagai cabang disiplin ilmu. Sebagai contoh, dalam bidang bahasa dan kebudayaan, unsur *anthropomorphisme* boleh diselusuri dalam lirik-lirik lagu yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud secara halus.

Antara contoh lirik lagu yang sering mengetengahkan unsur *anthropomorphisme* ialah lirik dalam lagu dikir barat. Lagu dikir sebenarnya terhasil daripada ilham atau idea daripada tukang karut itu sendiri. Setiap bait lagu dikir yang dikarutkan oleh tukang karut melambangkan kebolehan atau bakat semula jadi tukang karut dalam mengarang lagu dikir. Penggunaan lirik lagu dikir yang berunsur *anthropomorphisme* banyak membantu tukang karut bagi menyampaikan cerita/nasihat/kesedaran kepada masyarakat dalam bentuk yang lebih santai dan tidak terlalu serius. Hal ini kerana, dikir barat secara umumnya mendukung fungsi sebagai salah satu sumber hiburan penting dalam masyarakat Kelantan. Penggunaan teknik naratif di dalam lirik lagi dikir yang bersifat *anthropomorphisme* ini bertujuan untuk menyindir secara sinis dan halus tentang sifat manusia yang semakin terhakis nilai moralnya. Tukang karut seboleh mungkin cuba untuk meletakkan posisi haiwan/unsur alam sebagai pengganti kepada manusia di dalam lirik lagu sebagai salah satu bentuk sindiran dalam bentuk hiburan kepada pendengar supaya tidak berasa marah atau tersinggung.

Kes buang bayi, kes remaja rosak akhlak, penyalahgunaan dadah, pendatang tanpa izin, mat rempit dan sebagainya (sekadar menyebut beberapa contoh) merupakan antara lambang kepincangan masyarakat kita pada hari ini. Gejala sosial yang berlaku pada hari ini bukanlah perkara yang boleh diambil ringan. Hal ini kerana, masalah sosial boleh membawa kesan yang buruk kepada negara dari pelbagai aspek; ekonomi, politik, dan sosial. Dalam keghairahan mencapai taraf negara maju dan matlamat Wawasan 2020, rakyat Malaysia saling berganding bahu dengan pihak kerajaan untuk membanteras dan mengatasi masalah sosial daripada terus berlarutan. Medium yang digunakan adalah dalam bentuk pelbagai, sejajar dengan perkembangan sains dan teknologi, termasuklah melalui lirik lagu (lagu dikir, khususnya). Untuk menjelaskan secara terperinci pertautan antara unsur *anthropomorphisme* yang terdapat dalam lirik lagu dikir, kajian rintis ini akan cuba mengupas makna di sebalik penggunaan unsur *anthropomorphisme* yang terdapat dalam lirik lagu dikir dengan menggunakan pendekatan Linguistik Kognitif.

LINGUISTIK KOGNITIF

Dari segi sejarah, disiplin linguistik kognitif muncul di tengah-tengah kekalutan ahli-ahli bahasa mencari suatu disiplin ilmu dalam bidang linguistik yang boleh dijadikan pegangan untuk meneliti bahasa dari skop yang lebih luas. Jika sebelum ini, pengkajian bahasa terhad kepada penelitian terhadap bentuk (*form*) semata-mata, kehadiran linguistik kognitif telah mengubah dimensi dan persepsi ahli-ahli bahasa untuk meneliti bahasa dari aspek penampilan berbahasa (*language performance*) (Jyh Wee Sew, 1997). Berbekalkan keperluan untuk meneliti bahasa dari aspek penampilan berbahasa, maka asas yang menunjangi prinsip dalam linguistik kognitif seharusnya menampilkan gabungan antara struktur linguistik dan kognisi manusia (Newman, 1996). Gabungan ini membolehkan sesuatu komuniti bahasa membentuk kategori berasaskan realiti sebenar yang mungkin berbeza dengan bentuk kategori yang dibina oleh suatu komuniti bahasa yang lain.

Linguistik kognitif melihat bidang pragmatik sebagai disiplin ilmu yang dapat membantu bidang semantik untuk memacu analisis pemaknaan menjadi lebih empirikal. Hal ini

kerana penelitian bidang pragmatik yang melihat bahasa dari sudut penggunaan (konteks) membolehkan makna dalam ujaran juga dinilai dari sudut yang sama. Pemahaman yang semakin kukuh berhubung kepentingan pragmatik dalam melengkapi bidang semantik untuk menganalisis makna telah membantu berkembangnya penerokaan kajian penginterpretasian makna oleh lebih ramai pengkaji. Leech (1983) misalnya melihat kajian gabungan semantik dan pragmatik sebagai sebuah kajian berbentuk komplementarisme iaitu kajian dua bidang yang saling melengkapi. Begitu juga kenyataan Levinson (1985) yang mengaitkan kepentingan konteks dalam ilmu pragmatik dikatakan dapat membantu ilmu semantik untuk menyelesaikan masalah kekaburan dan ketaksaan makna. Salah satu daripada pendekatan yang terdapat dalam disiplin linguistik kognitif yang dapat menyelesaikan masalah masalah kekaburan dan ketaksaan makna ialah teori Metafora Rantais Utama MakhluK (RUM).

Metafora RUM ialah metafora bersifat umum (skematik) yang berfungsi untuk memahami pemindahan atau perkaitan makna antara satu adegan dengan adegan yang lain, khususnya semasa menginterpretasi makna berkaitan manusia dan haiwan (Imran, 2011). Menurut Krikmann (2007), metafora RUM mengasaskan kepada fahaman bahawa segala objek dan entiti yang terkandung di dalam RUM membentuk satu rantai mengikut sistem hierarki yang utuh. Dalam rantai tersebut, Tuhan berada pada tahap yang paling tinggi, diikuti oleh malaikat, manusia, haiwan, tumbuhan, objek kompleks, objek alam fizikal dan seterusnya.

Entiti yang berada pada kedudukan yang lebih tinggi dikatakan mempunyai sifat entiti yang berada pada kedudukan yang lebih rendah. Oleh itu semakin tinggi kedudukan sesuatu entiti, maka entiti tersebut memiliki lebih banyak sifat entiti yang berada di bawah kedudukannya. Keadaan ini membolehkan penelitian terhadap sifat sesuatu entiti (manusia misalnya) dikaji dari sudut yang berlainan (menerusi entiti yang berada di bawah manusia, seperti haiwan). Contohnya, menurut Lakoff dan Turner (1989), penelitian secara dua hala antara domain sumber dan domain sasaran (antara manusia dan haiwan misalnya), berupaya menghasilkan pemahaman terhadap emosi, ciri-ciri psikologikal dan sosial serta perwatakan dan perlakuan kedua-dua entiti tersebut.

Selain metafora RUM, unsur *anthropomorphisme* yang melibatkan penjelmaan sifat manusia yang ada pada haiwan juga boleh difahami melalui metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK (SMG). Metonimi yang menjadi pelengkap kepada pemahaman makna dari domain sumber kepada domain sasaran ini berperanan untuk menghubungkan makna harfiah (tersurat) dengan makna metaforikal (tersirat), dan menyimpulkan maklumat tentang keseluruhan skop semantik sesuatu data yang dikaji (Kovecses, & Radden, 1998).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan acuan metafora RUM dan metonimi SMG, kajian rintis ini akan meneliti penggunaan unsur *anthropomorphisme* dalam lagu dikir *Kucing* (oleh Pok Ya Mangkuk) dan *Itik* (oleh Cikgu Naim). Pemilihan kedua-dua lirik lagu ini dibuat kerana kedua-dua

lirik lagu ini adalah antara lirik lagu dikir yang popular dan sering dilagukan dalam persembahan dikir barat.

Kucing

Dalam lagu *Kucing*, penulis telah menggunakan unsur *anthropomorphisme* dengan menjelmakan (memberi persamaan atau keserupaan) beberapa sifat manusia kepada haiwan (*kucing*). Analisis menerusi metafora RUM dengan menyelidik peranan emosi, ciri-ciri psikologikal dan sosial serta perwatakan dan perlakuan entiti *kucing* dan *manusia*, dan analisis metonimi SMG yang menjelaskan makna domain sumber kepada domain sasaran, telah berupaya mencungkil empat jenis manusia yang berjaya difahami melalui watak kucing. Kucing boleh difahami mewakili sifat lelaki dari Bangladesh, wanita dari Siam (Thailand), orang Amerika, dan orang Israel. Keempat-empat jenis manusia tersebut diberikan watak yang antagonis kerana dibekalkan dengan ciri-ciri yang sangat negatif seperti pintar menipu, mahir memikat sehingga berjaya melarikan anak dan isteri orang, pandai menggoda, tidak tahu malu, jahat, sombong, angkuh, dan sentiasa mengambil peluang untuk menganiaya orang lain. Berikut disertakan jadual 1 yang dapat memperinci empat jenis manusia yang dijelmakan melalui watak kucing dalam lagu dikir *Kucing*.

Jadual 1: Pemahaman unsur *anthropomorphisme* dalam lagu dikir *Kucing*

Jenis kucing / Kelakuan negatif	Sumber	Sasaran
1. Kucing Bangla Ciri-ciri: - warno hite bulu tebal (berkulit hitam, banyak bulu)	Kucing Bangla	Lelaki dari Bangladesh
a. Perangai supo ular	ular	Menipu
b. Kecek dia panda	Kecek dia panda	Mahir memikat
c. anak ore bini ore dia nak kelek	Nak kelek	Bawa lari anak isteri orang
2. kucing tino bako Siam Ciri-ciri: - bulu jarre mato liar (tidak banyak bulu, dan bermata galak)	kucing tino bako Siam	Wanita dari Siam / Thailand
a. Panda kecek ore kito	Panda kecek	Pandai menggoda
b. Lembut tutur kata - sopo-sapo hok duit sake	Lembut tutur kata - sopo-sapo hok duit sake	Pandai memikat lelaki yang banyak wang
c. Tengahari tengah malam duduk kurung kut dale bilik	Tengahari tengah malam kurung kut dale bilik	Sentiasa - pandai melayan

3.	Kucing Amerika Ciri-ciri: - kulit bala mata biru (berkulit putih bermata biru)	Kucing Amerika	Lelaki / wanita dari Amerika
	a. sanggup make ore Melayu	make	Merosakkan / menganiaya
	b. sikit habuk tidok malu	sikit habuk tidok malu	Tidak tahu malu langsung
	c. perangai dajal	dajal	jahat
4.	Kucing Israel	Kucing Israel	Orang Israel
	a. hidung tinggi mulut tajam	hidung tinggi mulut tajam	Sombong / angkuh Bercakap lepas
	b. benci ore Islam	benci	memusuhi
	c. acu bulih dia nak make	acu bulih dia nak make	Selagi ada peluang hendak menganiaya
	d. Jahat samo dajal setan	dajal setan	Jahat yang amat sangat

Itik

Sebagaimana makna *kucing*, unsur *anthropomorphisme* yang digunakan dalam lagu dikir *Itik* juga berjaya difahami menerusi metafora RUM dan metonimi SMG. Jika sifat *kucing* dijelaskan menerusi watak empat jenis manusia, sifat *itik* pula dijelmakan menerusi sifat dan perwatakan manusia yang rosak akhlak (negatif). Persamaan unsur negatif antara watak itik dan manusia boleh difahami menerusi ciri-ciri persamaan sifat dan perwatakan kedua-dua entiti tersebut setelah analisis terhadap penterjemahan makna dari domain sumber kepada domain sasaran. Watak itik digunakan untuk menjelaskan sifat negatif manusia yang mengalami kejutan budaya, masalah pergaulan bebas, sehingga menyebabkan berlakunya gejala buang anak. Jadual 2 di bawah dapat menjelaskan pemahaman unsur *anthropomorphisme* berkaitan sifat manusia yang dijelmakan menerusi watak *itik* dalam lagu dikir *Itik*

Jadual 2: Pemahaman unsur *anthropomorphisme* dalam lagu dikir *Itik*

Jenis itik / Kelakuan negatif	Sumber	Sasaran
Umum – kelakuan negatif itik		
1. Kejutan budaya - bila masuk ke bandar - kade kade nye cucuk hidung - rambut hitam dia kalar hijau - tak pakai dah kain sarung	bila masuk ke bandar	Berpindah ke bandar

sakat mana dia kenal seluar

kade kade nye cucuk hidung Bertindik di hidung

rambut hitam dia Mewarnakan rambut kalar hijau

tak pakai dah kain sarung, sakat mana dia kenal seluar Menggantikan kelaziman memakai kain sarung dengan seluar

2. Pergaulan bebas
- dia suka bergaul bebas
 - tunang orang pun dia kilik
 - bini ore pon dia kebas
 - sabit ramai kena penyakit
 - akibat kerana ambik dadah

bergaul bebas Bergaul bebas

tunang orang pun dia kilik Membawa tunangan orang ke sana sini

bini ore pon dia kebas Merampas isteri orang

sabit ramai kena penyakit Sebab itulah dapat penyakit

akibat kerana ambik dadah Disebabkan kerana pengambilan najis dadah

Khusus - kelakuan negatif itik betina

1. Itik betina
- Ciri-ciri:
- bertubuh montok

Itik betina Perempuan

- a. Gejala buang anak
- berehi bertelor
 - tapi perangai malas mengeram
 - lepas telor tinggal rata
 - celah rumput dale rok lalang

berehi bertelor Tidak kisah melakukan hubungan seks

Malas mengeram	Tidak mahu menjaga anak yang dilahirkan
lepas telur tinggal rata	Selepas melahirkan, anak ditinggalkan begitu sahaja
celah rumput dale rok lalang	Buang anak meratarata seperti di dalam semak samun

RUMUSAN

Unsur *anthropomorphisme* dalam lagu dikir *Kucing* dan *Itik* yang dianalisis menggunakan metafora RUM dan metonimi SMG telah berjaya menyerlahkan interpretasi makna hurufiah *kucing* dan *itik* kepada makna tersirat dengan lebih empirikal. Sesuatu yang penting untuk diperkatakan di sini ialah, ekspresi budaya yang diserlahkan melalui penggunaan bahasa (sebagai firasat atau petunjuk bagi sesuatu kebudayaan, Asmah 1993), mampu mempengaruhi perubahan yang bukan sedikit kepada banyak hal seperti perubahan struktur dan perubahan makna, tetapi menjangkau juga kepada perubahan sesuatu nilai dalam masyarakat. Keadaan ini sekali gus dapat membuktikan bahawa terdapatnya jalinan yang tersurat dan tersirat antara realiti penggunaan bahasa dengan realiti sosial masyarakat (Crystal 1987; Wardhaugh 2002; Holmes 2008).

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crystal, D. (1987). *Cambridge Encyclopedic of Language*. Cambridge: Cambridge University Press
- Holmes, J. (2008). *An introduction to sociolinguistics* (3rd ed.). London: Pearson Longman.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 11(1), dari <http://www.ukm.my/ppbl/GEMA>
- Jyh Wee Sew. 1997. Pemahaman makna berdasarkan teori nahu kognitif. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41 (11): 23-32.
- Krikmann, A. (2007). *The great chain of being as the background of personificatory and depersonificatory metaphors In proverbs and elsewhere*. Kertas kerja dalam 1st Interdisciplinary Colloquium on Proverbs, Portugal, 5 – 12 November 2007, dari http://www.folklore.ee/~kriku/PARINTRO/MEMO_Chain.pdf

- Kovecses, Z., & Radden, G. (1998). Metonymy: Developing a cognitive linguistic view, *Cognitive Linguistics* 9(1), 37-77.
- Lakoff, G. & Turner, M. (1989). *More than cool reason: A field guide to poetic metaphor*. Chicago: University of Chicago Press.
- Leech, G. 1983. *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Levinson, S. C. 1985. *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mithen, S. J. (1998). *Creativity in human evolution and prehistory*. New York: Routledge.
- Newman, J. 1996. *GIVE: a cognitive linguistics study (Cognitive Linguistic Research)*. Berlin-New York: Mouton de Gruyter.
- Noraini Ariffin. (1981). *Dikir barat (Siri mengenal budaya, 10)*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan.
- Scholl, B. J., & Tremoulet, P. D. (2000). Perceptual causality and animacy. *Trends in cognitive science*, 4, 200-309.
- Wardhaugh, R. (2002). *An introduction to sociolinguistics* (4th ed.). Massachusetts: Blackwell Publisher.

Lampiran 1 (lirik lagu Kucing)

Kucing banyak jenis banyak bako di Malaysia
Ada kucing bako Siam, ada bako dari Bangla
Kucing bako Siam bulu jarre mato liar
Kucing Bangla warno hite bulu tebal

Kucing Bangla , jago-jagolah adik-adik
Perangai supo ular pandai putar belit
Kecek dia panda lebih pade bomoh tabib
Lambat tiba anak,ore bini ore dia nak kelek

Kucing paling bahyo kucing tino bako Siam
Panda kecek ore kito, sapa-sapo hok duit sake
Lembut tutur kata Mas Dini saye abe
Kalu dea keno ko dio, anak bini pun tinggal blake

Kucing bako Siam kalu lari payoh nak kelik
Tengahari tengah malam duduk kurung kut dale bilik
Dia tunggu jah ore jate panda sungguh cari duit
Kalu dea dio pege, loroh abih dale beg

Kucing Amerika kulit putih mata biru
Kucing ini tidak boleh diajar sungguh makan orang Melayu
Duduk berjemur tepi panai, sikit pun tidak malu
Jenis kucing perangai dajal, ini sebab isi tebal

Kucing Israel hidung tinggi mulut tajam
Kucing ni sungguh zalim, dia benci ore Islam
Ore lebai ore alim, acu bulih dia nak make
Adik kakok bulih banding
Jahat samo dajal setan

Terjemahan lirik lagu Kucing

Kucing banyak jenis banyak baka di Malaysia
Ada kucing baka Siam, ada baka dari Bangla
Kucing bako Siam bulu jarang mata liar
Kucing Bangla warna hitam bulu tebal

Kucing Bangla, jaga-jagalah adik-adik
Perangai serupa ular pandai putar belit
Bercakap dia pandai lebih daripada bomoh tabib
Lambat tiba anak orang, bini orang pun dia angkut

Kucing paling bahaya kucing betina baka Siam
Pandai goda orang kita, sesiapa yang duit sakan
Lembut tutur kata Mas Dini saying abang
Kalau sudah terkena dengan dia, anak bini tinggal belakang

Kucing baka Siam kalau lari susah nak balik
Tengahari tengah malam duduk berkurung di dalam bilik
Dia tunggu sahaja orang lelaki, pandai sungguh cari duit
Kalau sudah dia pegang, luruh habis dalam beg

Kucing Amerika kulit bala mata biru
Kucing ni tak leh hajar sanggup make ore Melayu
Dok jemur tepi pata, sikit habuk tidok malu
Jenis kucing perangai dajal, ini sebab isi tebal

Kucing Israel hidung tinggi mulut tajam
Kucing ini sungguh zalim, dia benci orang Islam
Orang lebai orang alim, asal boleh dia nak makan
Adik kakak boleh banding
Jahat sama dajal syaitan

Lampiran 2 (lirik lagu Itik)

Dengar lah molek-molek
ambo nak royat kisah itik
lagu ambo bunyi pelik
tapi kalu dengar pikir baik baik

itik kaki jelepak
mulut sudu belakang pulak lentik
jale napok bergolek
tok ime tggk pun jadi ralit

sapo tak kenal itik
ala tuan tanda nak mati
kalu tempat mengatik
ala tuan ore pakat cari

kalu perhati tengok
itik jauh beza dengan ayam
itik tino tubuh montok
itik jantan tubuh nak panjang
palo itik licin minyak
buleh kerat buat perhiasan
cuma perangai jah tadok gamok
berehi mena main bawah jemoran

loni dengan dulu ala tuan
itik beza perangai
itik dulu malu ala tuan
zaman lani rok raai

itik berehi bertelor
tapi perangai malas mengeram
lepas telur tinggal rata
celah rumput dale rok lalang
ado jugak manusia dengan itik
perangai lebih kurang
lepas beranak tohok rata
tepi parit kot birai longkang

tabiat puak itik
dia suka bergaul bebas
tunang orang pun dia kilik
bini ore pon dia kebas
sabit ramai kena penyakit
akibat kerana ambik dadah

dey kena penyakit aids
ibu bapak nyawa tak puas

manusia hari ini ala tuan
lupa dosa pahala
kita ore mukmin ala tuan
ingat syurga neraka

Terjemahan lirik lagu Itik

Dengarlah baik-baik
saya nak beritahu kisah itik
lagu saya bunyi pelik
tapi kalau dengar fikir baik-baik

itik kaki terkulai
mulut sudu belakang pula lentik
jalan nampak bergolek
tok imam tengok pun jadi asyik/ralit

siapa tak kenal itik
ala tuan tanda nak mati
kalau tempat tahlil
orang pakat cari

kalau perhati tengok
itik jauh berbeza dengan ayam
itik betina tubuh montok
itik jantan tubuh lebih panjang
kepala itik licin berminyak
boleh potong buat perhiasan
Cuma perangai sahaja tidak senonoh
Suka sangat bermain di bawah beranda

sekarang dengan dulu ala tuan
itik berbeza perangai
itik dulu pemalu ala tuan
zaman sekarang gatal

itik suka bertelur
tapi perangai malas mengeram
selepas bertelur tinggal merata
celah rumput dalam semak lalang
ada juga manusia sama dengan itik
perangai lebih kurang
selepas beranak buang merata

tepi parit tepi longkang

tabiat golongan itik
mereka suka bergaul bebas
tuning orang pun dia bawa
bini orang pun dia kebas
sebab itu ramai kena penyakit
akibat kerana ambil dadah
bila kena penyakit AIDS
ibu bapa susah hati

manusia hari ini ala tuan
lupa dosa pahala
kita orang mukmin ala tuan
ingat syurga neraka